

TERMA DAN SYARAT HONG LEONG BANK KAD KREDIT I'M (English Version)

Dikemas Kini pada 5 Ogos 2026

Terma dan Syarat Kad Kredit Hong Leong Bank I'm ("**Terma & Syarat**") di bawah ini hendaklah dibaca bersama Perjanjian Pemegang Kad ("**Perjanjian**") Hong Leong Bank Berhad ("**Bank**"). Selain daripada variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diterima pakai. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat Perjanjian dengan Terma dan Syarat ini maka Terma dan Syarat ini hendaklah diutamakan setakat mana yang berkenaan dengan Kad Kredit I'm. Dengan menerima Kad Kredit I'm, Pemegang Kad bersetuju dengan Terma & Syarat ini dan Perjanjian.

1. Fi Tahunan

Tiada Fi Tahunan dikenakan ke atas Kad Kredit I'm.

2. Transaksi Luar Negara

Kadar tambahan 1% penukaran asing yang dikenakan oleh Bank tidak terpakai untuk Kad Kredit I'm.

3. Mata Ganjaran

Tiada Mata Ganjaran akan diberi bagi Kad Kredit I'm.

4. Rebat Tunai

Tiada Rebat Tunai diberi bagi Kad Kredit I'm.

5. Nota Khas

Pelan/liputan insurans tidak disediakan di bawah Kad Kredit I'm.

6. Variasi Ciri-Ciri Produk

Bank mungkin akan meminda, mengubah atau mengubah mana-mana ciri produk untuk Kad Kredit I'm atau mengeluarkan Kad Kredit I'm apabila diperlukan, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad. Selepas itu, Bank boleh menghantar terus kepada Pemegang Kad atau memaklumkan di media massa atau menyiarkan notis di dewan perbankan Bank atau laman web Bank di www.hlb.com.my atau apa-apa kaedah yang difikirkan praktikal oleh Bank untuk penambahan, pengubahsuaian atau pindaan ciri-ciri produk.

7. Tafsiran

- (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar akan mempunyai pengertian sama seperti ditakrif dalam Perjanjian dan Terma dan Syarat Kad melainkan ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
- (b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
- (c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, anda boleh



mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-76268899.